

## Lembaran Pendedahan Produk

## SOMPO Travel Plus

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans ini. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini adalah pelan insurans perjalanan yang menyeluruh yang melindungi anda daripada sebarang kecederaan, penyakit, kemalangan dan kesulitan perjalanan semasa Perjalanan anda.

### 2. Siapakah yang boleh diinsuranskan?

Semua Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap, Pemegang Pas Pelajar atau Pemegang Pas Pekerjaan/Pemegang Permit Kerja yang bekerja secara sah di Malaysia serta pasangan dan anak-anak mereka.

#### Kelayakan Umur

Dewasa: Berumur di bawah lapan puluh (80) tahun

Kanak-Kanak: Berumur di antara tiga puluh (30) hari dan lapan belas (18) tahun atau sehingga dua puluh tiga (23) tahun jika belajar sepenuh masa di sebuah institusi yang diiktiraf.

#### Pelan Keluarga

Pelan ini akan melindungi anda, pasangan anda yang sah dan kesemua anak-anak anda yang tidak bekerja dan tidak berkahwin.

### 3. Apakah perlindungan / faedah yang disediakan?

Polisi ini menyediakan 2 Pelan iaitu Pelan Elite & Basic.

MANFAAT		HAD SETIAP ORANG / SETIAP PERISTIWA	JUMLAH DIINSURANSKAN (RM)	
			Elite	Basic
<b>1</b>	<b>KEMALANGAN DIRI</b>			
<b>1.1</b>	<b>Kemalangan Diri</b> Kematian akibat Kemalangan - Pelan Keluarga - Pelan Keluarga - Pelan Individu Ketidakupayaan Menyeluruh Kekal Kehilangan penglihatan pada sebelah atau kedua-dua belah mata dan/atau kehilangan satu atau lebih anggota  Maksimum bagi setiap Keluarga	Setiap Dewasa Setiap Kanak-Kanak Setiap Individu Setiap Individu Setiap Individu  Setiap Keluarga	350,000 87,500 350,000 350,000 350,000  1,050,000	100,000 25,000 100,000 100,000 100,000  300,000
<b>1.2</b>	<b>Dana Pendidikan Anak</b>	Setiap Peristiwa	10,000	N/A
<b>2</b>	<b>PERBELANJAAN PERUBATAN &amp; LAIN-LAIN</b>			
<b>2.1</b>	<b>Perbelanjaan Perubatan, Hospital &amp; Lain-Lain</b>	Hingga 70 tahun Melebihi 70 tahun Setiap Keluarga	350,000 175,000 1,050,000	100,000 50,000 300,000
<b>2.2</b>	<b>Perubatan Alternatif*</b>	Setiap Individu Setiap Keluarga	1,000 2,000	N/A N/A
<b>2.3</b>	<b>Manfaat Penjagaan Simpati* (kerana Anda dimasukkan ke dalam hospital)</b>	Setiap Individu Setiap Keluarga	7,500 22,500	5,000 15,000
<b>2.4</b>	<b>Rawatan Perubatan di Malaysia* Rawatan susulan dalam tempoh 60 hari selepas pulang ke Malaysia</b>	Hingga 70 tahun Melebihi 70 tahun Setiap Keluarga	30,000 15,000 90,000	15,000 7,500 40,000
<b>2.5</b>	<b>Manfaat Penjagaan Simpati* (kerana kematian Anda)</b>	Setiap Individu Setiap Keluarga	7,500 22,500	5,000 15,000
<b>2.6</b>	<b>Manfaat Penjagaan Anak*</b>	Setiap Dewasa Setiap Keluarga	5,000 15,000	5,000 15,000
<b>2.7</b>	<b>Elaun Hospital</b>	Setiap Hari Setiap Individu Setiap Keluarga	250 10,000 30,000	N/A N/A N/A
* Tertakluk had maksima dibayar bagi perkara 2.1				
<b>3</b>	<b>PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN &amp; REPATRIASI</b>			
<b>3.1</b>	<b>Pemindahan Perubatan Kecemasan</b>	Setiap Individu	Tidak Terhad	Tidak Terhad
<b>3.2</b>	<b>Repatriasi Perubatan Kecemasan</b>	Setiap Individu	Tidak Terhad	Tidak Terhad
<b>3.3</b>	<b>Repatriasi Jenazah</b>	Setiap Individu	Tidak Terhad	Tidak Terhad
<b>Had maksimum yang dibayar untuk item 3.1, 3.2 dan 3.3</b>		Di atas 70 tahun	150,000	100,000

4	KESULITAN PERJALANAN DAN FAEDAH-FAEDAH LAIN BERKAITAN PERJALANAN			
4.1	Kehilangan Bagasi dan Barangan Peribadi	Setiap Individu Setiap Keluarga	5,000 15,000	N/A N/A
4.2	Wang & Dokumen Peribadi	Setiap Individu Setiap Keluarga	5,000 15,000	N/A N/A
4.3	Kelewatan Bagasi <i>RM200.00 untuk kelewatan setiap 6 jam penuh berturut-turut</i>	Setiap Individu Setiap Keluarga	800 2,400	N/A N/A
4.4	Kelewatan Perjalanan <i>RM150.00 untuk kelewatan setiap 6 jam penuh berturut-turut dan RM 200.00 untuk kelewatan setiap 6 jam penuh berturut-turut seterusnya</i>	Setiap Individu Setiap Keluarga	3,000 6,000	N/A N/A
4.5	Laluan Perjalanan Diubah	Setiap Individu Setiap Keluarga	200 600	N/A N/A
4.6	Kehilangan Deposit atau Pembatalan	Setiap Individu Setiap Keluarga	15,000 45,000	N/A N/A
4.7	Pemendekan Perjalanan	Setiap Individu Setiap Keluarga	15,000 45,000	N/A N/A
4.8	Perjalanan Terlebih Tempahan <i>RM200.00 untuk setiap 6 jam berturut-turut untuk pengangkutan penerbangan umum berjadual akibat terlebih tempahan dan pengangkutan alternatif tidak disediakan.</i>	Setiap Individu Setiap Keluarga	1,000 3,000	N/A N/A
4.9	Kegagalan Menyambung Perjalanan <i>RM200.00 jika tidak ada pengangkutan alternative dalam masa 4 jam dari waktu ketibaan sebenar.</i>	Setiap Individu Setiap Keluarga	200 600	N/A N/A
4.10	Rampasan Pesawat / Kenderaan <i>RM1,000.00 untuk rampasan setiap 24 jam penuh berturut-turut</i>	Setiap Individu Setiap Keluarga	8,000 24,000	N/A N/A
4.11	Ketinggalan Perlepasan	Setiap Individu Setiap Keluarga	1,000 3,000	N/A N/A
4.12	Kehilangan Deposit atau Bayaran Penuh disebabkan oleh Insolvensi Syarikat Penerbangan	Setiap Individu Setiap Keluarga	5,000 15,000	N/A N/A
4.13	Liabiliti Diri	Setiap Individu Setiap Keluarga	1,000,000 3,000,000	N/A N/A

Nota: Perlindungan untuk **Perjalanan Domestik** terhad kepada Manfaat 1, 2.1, 2.2 dan 2.4.

Nota: Sila rujuk kepada **Kontrak Polisi** untuk maklumat lanjut mengenai manfaat dan perlindungan.

<p><b>Nota:</b></p> <p>a. Manfaat yang dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada Brosur TIPS PIDM atau hubungi Berjaya Sampo Insurance Berhad atau PIDM (layari <a href="http://www.pidm.gov.my">www.pidm.gov.my</a>).</p> <p>b. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk ciri dan manfaat lengkap produk.</p>
--

#### 4. Apakah Tempoh Perlindungan dan Pilihan Pembaharuan?

##### Pelan Perjalanan Tunggai

Tempoh perlindungan dari satu (1) hari ke maksimum satu ratus dua puluh (120) hari berturut-turut.

##### Pelan Tahunan

Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun dengan bilangan Perjalanan yang tidak terhad yang diambil semasa tempoh insurans. Bilangan hari maksimum untuk setiap Perjalanan ialah satu ratus lapan puluh (180) hari berturut-turut. Anda perlu memperbaharui Polisi anda setiap tahun.

#### 5. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu dibayar bergantung kepada pilihan pelan anda, tempoh Perjalanan dan destinasi.

**Jadual Premium (RM)** (Premium yang ditunjukkan adalah sebelum rebat bagi pembelian secara langsung)

BILANGAN HARI	Elite		Basic	
	Individu	Keluarga	Individu	Keluarga
<b>KAWASAN 1 - Australia, Brunei, Cambodia, China, Hong Kong, India, Indonesia, Japan, Korea Selatan, Laos, Macau, di dalam Malaysia, Maldives, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Philippines, Singapore, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Vietnam.</b>				
1 ke 5	39	98	18	43
6 ke 10	52	130	27	62
11 ke 18	79	198	37	92
19 ke 31	98	245	45	133
Setiap tambahan minggu seterusnya	23	58	14	30
Pelan Tahunan	288		218	
<b>KAWASAN 2 - Seluruh dunia kecuali USA dan Kanada</b>				
1 ke 5	55	138	26	60
6 ke 10	73	183	37	85
11 ke 18	111	278	54	126
19 ke 31	138	345	70	168
Setiap tambahan minggu seterusnya	33	83	22	50
Pelan Tahunan	338		258	

<b>KAWASAN 3 - Seluruh dunia termasuk USA dan Kanada</b>				
1 ke 5	71	178	32	77
6 ke 10	94	235	50	120
11 ke 18	143	358	70	170
19 ke 31	177	443	105	242
Setiap tambahan minggu seterusnya	42	105	28	70
Pelan Tahunan	388		308	

**Termasuk dalam Premium (RM)**

Komisen yang dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)

BILANGAN HARI	Elite		Basic	
	Individu	Keluarga	Individu	Keluarga
<b>KAWASAN 1 - Australia, Brunei, Cambodia, China, Hong Kong, India, Indonesia, Japan, Korea Selatan, Laos, Macau, di dalam Malaysia, Maldives, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Philippines, Singapore, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Vietnam.</b>				
1 ke 5	9.75	24.50	4.50	10.75
6 ke 10	13.00	32.50	6.75	15.50
11 ke 18	19.75	49.50	9.25	23.00
19 ke 31	24.50	61.25	11.25	33.25
Setiap tambahan minggu seterusnya	5.75	14.50	3.50	7.50
Pelan Tahunan	72.00		54.50	
<b>KAWASAN 2 - Seluruh dunia kecuali USA dan Kanada</b>				
1 ke 5	13.75	34.50	6.50	15.00
6 ke 10	18.25	45.75	9.25	21.25
11 ke 18	27.75	69.50	13.50	31.50
19 ke 31	34.50	86.25	17.50	42.00
Setiap tambahan minggu seterusnya	8.25	20.75	5.50	12.50
Pelan Tahunan	84.50		64.50	
<b>KAWASAN 3 - Seluruh dunia termasuk USA dan Kanada</b>				
1 ke 5	17.75	44.50	8.00	19.25
6 ke 10	23.50	58.75	12.50	30.00
11 ke 18	35.75	89.50	17.50	42.50
19 ke 31	44.25	110.75	26.25	60.50
Setiap tambahan minggu seterusnya	10.50	26.25	7.00	17.50
Pelan Tahunan	97.00		77.00	

Contoh:

Orang diinsuranskan mengembara dalam Perjalanan Tunggal (Individu) ke Australia (Kawasan 1) selama empat puluh dua (42) hari, dengan Pelan Elite.

Premium adalah:

Bilangan Hari	Premium
19-31 hari	RM 98.00
Tambahan 11 hari (2 minggu)	RM 46.00 (RM 23*2)
Premium	RM 144.00

**6. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar sebagai tambahan kepada premium?**

Jenis	Amaan
Cukai Perkhidmatan, untuk Pelan Perjalanan Domestik dan Polisi Tahunan	8% daripada premium
Duti Setem	RM 10.00

Termasuk dalam premium	Amaan
Komisen yang dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium

**7. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?**

• **Kewajipan Pendedahan**

**Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, anda hendaklah mengambil penjagaan munasabah untuk menjawab semua soalan dengan lengkap, tepat, jujur berdasarkan sepanjang pengetahuan anda. Adalah menjadi kewajipan anda juga untuk memaklumkan kepada kami apa-apa perubahan mengenai butiran-butiran atau maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda atau sebelum anda memperbaharui atau mengubah apa-apa terma untuk Polisi anda. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, Polisi anda mungkin dibatalkan atau dianggap tidak wujud atau tuntutan anda mungkin ditolak atau nilai tuntutan dikurangkan.

**Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, adalah menjadi kewajipan anda untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah dan relevan. Adalah menjadi kewajipan anda juga untuk memaklumkan kepada kami apa-apa perubahan mengenai butiran-butiran atau maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda atau sebelum anda memperbaharui atau mengubah apa-apa terma untuk Polisi anda. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, Polisi anda mungkin akan dibatalkan atau dianggap tidak wujud atau tuntutan anda mungkin ditolak atau nilai tuntutan dikurangkan.

- **Perubahan Risiko**  
Jika pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa apa-apa perubahan yang berlaku secara material dari mana-mana fakta yang diberi pada tarikh cadangan, anda hendaklah dalam masa tujuh (7) hari memberi notis secara bertulis kepada kami dan membayar premium tambahan sekiranya perlu.
- **Tunai Sebelum Perlindungan**  
Premium penuh mesti dibayar sebelum tarikh kuat kuasa Polisi.
- **Bayaran Premium**  
Bayaran boleh dibuat secara Tunai, Cek, Kad Debit, Kad Kredit atau Bayaran Dalam Talian (mana-mana berkenaan) kepada Berjaya Sampo Insurans Berhad. Tolong simpan resit premium yang dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan pada masa hadapan.
- **Perbelanjaan Perubatan, Hospital & Lain-Lain dan Rawatan Perubatan di Malaysia**  
Sekiranya anda berusia tujuh puluh (70) tahun dan ke atas, faedah anda akan dihadkan pada 50% daripada Jumlah Diinsuranskan.
- **Perjalanan**  
Lawatan yang bermula apabila Anda meninggalkan rumah atau tempat perniagaan Anda atau mana-mana destinasi di Malaysia (yang mana terkemudian) sehingga Anda kembali dan akan tamat di atas sebab-sebab di bawah yang mana berlaku terdahulu:
  - a) tarikh luput Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual Polisi;
  - b) keputungan Anda ke rumah atau tempat kerja Anda (yang mana terdahulu); atau
  - c) dua puluh empat (24) jam selepas ketibaan di Malaysia (tidak berkenaan untuk Perjalanan Domestik).

Untuk perjalanan sehala, perlindungan akan berhenti tujuh puluh dua (72) jam dari waktu ketibaan yang dijadualkan di destinasi akhir dan perjalanan tidak boleh melebihi tiga puluh (30) hari.
- **Prosedur Tuntutan**  
Notis bertulis harus diberi kepada kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian. Anda boleh mengemukakan tuntutan anda dengan menghantar e-mel kepada [customer@bsompo.com.my](mailto:customer@bsompo.com.my) atau mengunjungi mana-mana cawangan kami di seluruh negara.

**Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.**

**8. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?**

Polisi ini tidak meliputi kerugian yang dikecualikan secara khusus di bawah Polisi ini, contohnya, penyakit sedia ada, membunuh diri atau percubaan untuk membunuh diri, kecederaan yang disengajakan dan anda dibawah pengaruh alkohol atau dadah dan lain-lain.

**Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian.**

**9. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?**

Anda boleh membatalkan Polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

Pelan Perjalanan Tunggal : Tiada bayaran balik premium setelah Polisi dikeluarkan.

Pelan Tahunan : Anda boleh membatalkan Polisi anda dengan memberi kami notis bertulis. Selepas pembatalan, kami akan mengekalkan premium minimum sebanyak RM60.00, dan membayar balik premium pro-rata kepada anda. Walau bagaimanapun, premium tidak akan dikembalikan jika terdapat tuntutan yang dibayar atau dikemukakan kepada kami semasa tempoh Polisi.

**10. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat peribadi bagi memastikan segala komunikasi dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan kepada pejabat cawangan atau Pusat Khidmat Pelanggan kami.

**11. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan atau mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Insurans Perjalanan, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami pada waktu operasi dari 8:30 pagi hingga 5:00 petang (Isnin – Jumaat) di 03-2170 7300 atau Talian Bebas Tol kami seperti yang terpapar di bawah halaman ini.

**12. Jenis produk insurans am lain yang boleh didapati?**

SOMPO TravelSafe.

Sila layari [www.berjayasompo.com.my](http://www.berjayasompo.com.my) untuk maklumat lanjut.

**NOTA PENTING**

ANDA MESTILAH MENAMAKAN SEKURANG-KURANGNYA SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA TERSEBUT MENYEDARI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA PEROLEHI. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU LANGSUNG MENGHUBUNGI SYARIKAT KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT. ANDA HARUS BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIK-BAIKNYA.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap yang diperlukan adalah terkandung di dalam Kontrak Polisi.

Berjaya Sampo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula dari April 2024.